

15 MAY 2001

MIC-Perubahan

TINDAKAN AKAN DIBERIKAN TUMPUAN PADA PERHIMPUNAN AGUNG MIC KE-55

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- MIC kini berada di persimpangan, 55 tahun selepas penubuhannya dengan hampir separuh daripada tempoh itu berada di bawah pimpinan presiden parti Datuk Seri S. Samy Vellu.

Menangani kemiskinan, pendapatan rendah, ketaksamaan status sosial dan pemilikan ekuiti serta pendidikan di kalangan masyarakat India, yang telah menjadi perjuangan utama MIC sejak penubuhannya pada 1946, bukan lagi merupakan isu-isu yang dihadapi parti.

Kebangkitan kelas pertengahan India muda yang menuntut ruang demokrasi yang lebih luas dan keputusan yang lebih baik dari parti telah memberikan tekanan tambahan kepada MIC untuk merubah laluan dan daya berfikir "penjajah" bagi memenuhi pelbagai harapan kumpulan baru itu.

Apa yang perlu dilakukan. Lebih kebertanggungjawapan di pihak pemimpin-pemimpin?

"Ya," kata Samy Vellu, pemimpin bersemangat waja yang kini berusia 65 tahun itu. "Mereka (para pemimpin) perlu bertanggungjawab kepada rakyat yang telah memilih mereka."

Dan atas sebab itulah, bahawa Samy Vellu, yang telah menerajui parti itu lebih 22 tahun, telah mencadangkan pindaan terhadap perlembagaan MIC, antara lain, bagi membolehkan ketua pergerakan Pemuda dan Wanitanya dipilih daripada dilantik.

Pindaan itu akan dibentangkan pada Perhimpunan Agung MIC Ke-55 pada Sabtu di Johor Baharu yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dengan cara ini, mereka (para pemimpin) akan menjadi lebih komited dan bekerja lebih keras," kata Samy Vellu kepada Bernama dalam satu temubual hari ini.

Cadangan pindaan itu juga akan menyaksikan tamatnya amalan melantik rakan-rakan dan kadang-kadang saudara mara ke jawatan-jawatan di peringkat cawangan kerana semua jawatan di peringkat cawangan akan dipertandingkan. Pada masa ini, hanya pengerusi cawangan dilantik.

"Ini merupakan hanya permulaan kepada banyak lagi perkara yang akan dilakukan" kata pemimpin veteran MIC itu dan menurut beliau "presiden sedang berjuang untuk memberi nafas baru kepada parti."

Pada Sabtu, apabila para perwakilan MIC bermesyuarat, mereka akan berdepan dengan hakikat yang kurang menyenangkan itu iaitu bahawa tanpa perubahan cara berfikir, parti itu mungkin pada satu hari kelak akan mendapati ia tidak mempunyai kuasa lagi di Parlimen dan kerajaan.

Motto "bertindak lebih baik daripada bercakap" akan menjadi perkara pokok pada perhimpunan agung itu.

Samy Vellu telah menetapkan rentak pada perhimpunan itu dengan mengumumkan bahawa beliau akan meminta para perwakilan untuk mencari "satu makna baru, satu peranan baru" bagi parti itu untuk mengusahakan perubahan dalam masyarakat itu.

"Tidak pernah terdapat begitu banyak tekanan terhadap kita sebelum ini. Hari ini, keadaan adalah berbeza, orang ramai mengharapkan lebih banyak dan mahu kita berorientasikan keputusan," katanya sebelum perhimpunan selama dua hari itu.

Beliau berkata di bahagian yang MIC kurang beri tumpuan, pertubuhan bukan kerajaan telah masuk dan dengan itu telah mewujudkan pendapat yang parti tidak berbuat banyak bagi masyarakat.

"Saya tidak berkelahi dengan NGO. Di mana yang kita boleh, kita boleh

bekerjasama demi kebaikan rakyat kita," katanya.

Samy Vellu, bagaimanapun berkata program-program yang diusahakan oleh MIC sejak dua dekad lepas telah membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat India.

"Masih ramai orang yang datang berjumpa kita. Ini adalah satu petanda baik. Ini menunjukkan bahawa mereka masih menyokong kita," katanya dan pada ketika itu hampir 12 orang menunggu di luar rumahnya untuk berjumpa beliau, yang dianggap oleh pembantu kanannya sebagai senario biasa.

Samy Vellu turut mengingatkan bahawa kebangkitan kelas pertengahan dan desakan mereka bagi ruang demokrasi yang lebih luas mempunyai implikasi baru terhadap politik semasa.

Beliau berkata NGO dan kumpulan-kumpulan rakyat kini mencabar politik tradisional dalam menyuarakan kebimbangan terhadap bahagian-bahagian yang terabai dalam masyarakat.

Pada perhimpunan itu, Samy Vellu, dalam ucapan presidennya bertajuk "Satu Agenda bagi Dekad Baru" dijangka akan mengumumkan beberapa siri langkah untuk meningkatkan taraf hidup kaum India.

Ucapan beliau akan bertumpu pada agenda ekonomi, dengan mengambil kira "pelbagai perkara" bagi kaum India yang digariskan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) yang dibentangkan oleh Dr Mahathir baru-baru ini.

Ia juga akan menyentuh mengenai gejala sosial di kalangan belia India, sekolah-sekolah Tamil dan pertambahan cawangan-cawangan MIC.

Semua itu akan menjadi sebahagian wawasan baru dan misi MIC bagi 10 tahun akan datang.

-- BERNAMA

ES ES RHM